

Spesies Rafflesia cantleyi ditemui di kampung Koi Ulu Cheka, hidup secara berkelompok di sisi-sisi pematangnya.

Rafflesia jadi 'buruan'

1,001 keunikan bunga terbesar di dunia perlu diangkat sebagai tapak warisan sumber alam elak terancam

Oleh Mahani Ishak dan Roselan Abdul Malek
bhnews@bh.com.my

Banyak khasiat diperkatakan mengenai Rafflesia terutama untuk kesihatan dalaman wanita, selain menyerikan wajah.

Hinggakan bunga itu dijejaki dan 'diburu' serta diekstrak untuk rawatan ibu berpantang, mencantikkan bentuk perut, awet muda, memudahkan kelahiran dan 1,001 khasiat lagi.

Rafflesia menjadi ikon dan daya tarikan pelancongan, biarpun berbau busuk seperti bangkai, sering menjadi perhatian, lantaran dipercayai mempunyai nilai komersial dari sudut perubatan bagi merawat pelbagai penyakit.

Sejauh mana kebenarannya? Adakah ia

sekadar bunga berbentuk luar biasa atau dakwaan itu sememangnya benar.

Pensyarah Mikrobiologi (Virologi) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Nazlina Ibrahim, berkata berdasarkan penyelidikan yang pernah dibuatnya, bunga Rafflesia memang popular dan dipercayai digunakan sebagai bahan perubatan dalam kalangan masyarakat luar bandar dan komuniti Orang Asli.

"Apa yang saya tahu, ubat-ubatan berasaskan Rafflesia ini boleh dibeli di sebuah kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan banyak dipasarkan di laman e-dagang," katanya.

Namun, tiada kepastian ekstrak bunga itu benar-benar berkhasiat seperti yang didakwa itu.



Dr Nazlina Ibrahim

Lihat muka 36

Wartakan lokasi bunga Rafflesia

Saintis dan pengkaji alam menggesa kerajaan mewartakan lokasi penemuan bunga Rafflesia di seluruh negara sebagai tapak warisan sumber alam bagi mengelak kepupusan tumbuhan itu berikutan pelbagai aktiviti manusia termasuk dipercayai dipetik untuk bahan rawatan mengubati penyakit.

Pakar Botani dan Ekologi Hutan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Nazree Saleh, berkata langkah itu bertujuan supaya tumbuhan itu kekal hidup, tidak terancam dan pupus.

Katanya, kebanyakan Rafflesia

tumbuh di Hutan Simpan Kekal (HSK) memerlukan permit untuk memasuki kawasan itu.

Bunga pakma perlu dipelihara kerana banyak menjana pendapatan penduduk setempat, mewujudkan pekerjaan baharu, aktiviti ekopelancongan dan mendidik generasi mengenali warisan ditinggalkan.

"Kita juga berharap ada pihak membiaya program konservasi untuk mengekalkan keunikan bunga ini," katanya.

Pegawai Penyelidik Pusat Penyelidikan Bukit Fraser, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebang-

saan Malaysia (UKM), Mohd Afiq Aizat Juhari, berkata Rafflesia perlu dipelihara kerana pelbagai aktiviti manusia seperti pengambilan kudup (tunas) untuk perubatan tradisional boleh menyebabkan tumbuhan itu pupus.

Aktiviti pembalakan, pembukaan hutan, serangan anai-anai, gangguan haiwan liar, keadaan perumah rosak dan cuaca panas melampau turut mengancam habitatnya.

Bunga unik

Rafflesia hanya boleh hidup sekiranya terdapat perumahnya iaitu sejenis anggur liar (*Tetrastigma*), iaitu tumbuhan menjalar di dalam hutan.

"Bunga ini sangat unik kerana terdapat bahagian bunga sahaja dan mempunyai jasad 'vegetatif' iaitu senibentuk seperti hifa kulat, hidup dalam tisu perumah.

"Jasad vegetatif tidak mempunyai batang, akar dan daun hijau berklorofil. Tempoh tumbesaran bunga daripada tunas hingga berkembang mengambil masa lebih kurang sembilan hingga 12 bulan berdasarkan spesies yang berbeza.

"Ia berkembang enam hingga lapan hari sahaja. Sekiranya pendeda berjaya, bunga betina itu akan membentuk buah yang mem-

punyai berjuta-juta biji benih, akan disebarkan oleh haiwan dan serangga ke perumah untuk mengekalkan populasi bunga terabit," katanya.

Katanya, hanya boleh ditemui di Asia Tenggara, iaitu di kawasan hutan hujan tropika Filipina, Indonesia, Thailand, Malaysia dan Brunei.

Di negara ini, selain di Sabah dan Sarawak, ia ditemui di hutan hujan tropika di beberapa lokasi antaranya, daerah Hulu Perak (Perak), Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan serta Raub, Pahang.

Penemuan terbaharu di kawasan hutan berhampiran kaki Gunung Benom, Kampung Koi, Ulu Cheka, Jerantut, Pahang.

Menurut Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, spesies rafflesia cantleyi ditemui di situ mempunyai kelopak bunga dan bintil putih halus.


Ia dijumpai secara berkelompok, iaitu hidup di batang akar perumahnya iaitu *tetrastigma tuberculatum*.

Penghulu Mukim Ulu Cheka, Khairul Akhma Yusof, berkata penemuan bunga pakma itu sebagai khazanah alam yang unik dan perlu dijaga.

"Lokasi penemuan bunga Rafflesia sebagai tarikan agropelancongan di kampung Koi, Ulu Cheka dan peminat biodiversiti serta menarik kedatangan pelancong," katanya.



Dr Nazre Saleh



Kitaran hayat Rafflesia.



Mohd Afiq menunjukkan spesies bunga Rafflesia yang ditemui di Raub, Pahang.

